

IMPACT OF ENTREPRENEURIAL TRAINING PLATFORM ON THE TENDENCY OF SPECIAL NEEDS STUDENTS TO VENTURE INTO BUSINESS

¹Ummu Hani Binti Yusof
Games Art Department
Selayang Community College
Selangor, Malaysia
y.ummuhani@gmail.com

²Fazlilawati Binti Fadzil
Culinary Department
Selayang Community College
Selangor, Malaysia
zilatiros@gmail.com

Abstract— *Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 outlines the strategy to empower people with disabilities and increase their participation in entrepreneurship. Lack of resources to support this mission causes Selayang Community College and Pusat GENIUS@Kurnia to open a training platform for students with special needs to do business. Thus this study has identifies the impact of entrepreneurial training platform and their intention to venture into business. Students with at least six months of experience in Inspired Kitchen and Ausome Cafe have been interviewed using a set of interview protocols. Interview data is analyzed according to the theme. The frequency of themes has been grouped in terms of managing skills and intention to become entrepreneurs. The findings shows that the participants clearly shows the characteristics of entrepreneurs in terms of information seeking, problem solving and persuasion. All participants have a strong intention to do business after graduate. This study provides guidance on the establishment of an entrepreneurial training platform for students with special needs especially in higher institutions.*

Keywords: *Entrepreneurship training platform; students with special needs; entrepreneurship training*

1. Pengenalan

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 menggariskan tindakan untuk meningkatkan peluang golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk bekerja sendiri dan terlibat menyertai bidang keusahawanan. Untuk merencanakan lagi penglibatan OKU dalam perniagaan, bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dicadangkan supaya memberi peluang golongan OKU menguasai kemahiran.

Kolej Komuniti Selayang telah memupuk persekitaran yang mengiktiraf, menyokong dan memberi ganjaran kepada kakitangan dan pelajar atas komitmen mereka dalam aktiviti keusahawanan menerusi penubuhan *E-Tech Centre*. Fasilitas dan ruang disediakan untuk menempatkan pelajar, alumni dan komuniti setempat mempraktikkan ilmu keusahawanan dan menjalankan perniagaan. *Inspired Kitchen* adalah platform perniagaan berasaskan makanan, minuman dan barista yang dioperasikan oleh pelajar dan alumni Sijil Asas Kulinari bermasalah pembelajaran dan pendengaran. Ruang latihan inkubator disediakan untuk mereka mempraktikkan latihan teknikal dengan menyediakan makanan, minuman serta barista kopi disamping menjalankan perniagaan. Terdapat dua premis telah dibuka sejak tahun 2017. Premis pertama beroperasi di Bangunan Kementerian Pendidikan Malaysia. Premis ini berkonsepkan *hipsters'* yang menyediakan masakan barat dan timur serta barista kopi. Premis kedua berada dibangunan Kolej Komuniti Selayang. Perlaksanaan perniagaan dibimbing oleh tenaga pengajar dan pelajar pembantu yang memberi sokongan secara menyeluruh dari bahagian penyediaan makanan hingga ke bahagian operasi perniagaan.

Kolej Komuniti Selayang juga telah memberikan khidmat nasihat kepada agensi lain seperti Rimau Café dibawah Kementerian Belia dan Sukan dan *Ausome Café* di bawah Pusat GENIUS@Kurnia. *Ausome Cafe* merupakan platform keusahawanan yang memberi peluang remaja bermasalah pembelajaran menceburi perniagaan. Perniagaan dioperasikan dan diurustadbir oleh ibu bapa yang komited bersama anak mereka. Premis berada di dalam bangunan Pusat GENIUS@Kurnia. Di peringkat awal, para pelatih telah diberikan kemahiran memasak dalam program *Yes I Can*. Program ini merupakan program sukarela yang memberi kemahiran membuat biskut, kek, pai, pizza dan resepi mudah yang lain. Selain itu, pelatih juga di beri latihan mengendalikan mesin kopi melalui bimbingan pelajar *Inspired Kitchen*. Bermula dari program tersebut, aktiviti jualan makanan dan minuman dijalankan sehingga dijenamakan semula kepada *Ausome Café*.

A. Permasalahan Kajian

Pelajar berkeperluan khas terutamanya yang mempunyai masalah pembelajaran menghadapi kesukaran dalam membina keyakinan diri, kemahiran sosial dan interpersonal. Mereka didapati sukar berhadapan dengan orang ramai. Mereka juga memerlukan sokongan dan perhatian khusus. Namun begitu, didapati hampir tiada modul khusus dibangunkan untuk pelajar bermasalah pembelajaran ini mempraktikkan kemahiran teknikal dan keusahawanan. Mereka memerlukan platform yang direkabentuk khusus mengikut keperluan. Walaubagaimanapun, hampir tiada platform latihan keusahawanan yang disediakan. Di Malaysia, mulai tahun 2017 inisiatif diambil dengan membuka platform latihan keusahawanan untuk pelajar berkeperluan khas mempraktikkan kemahiran teknikal, kemahiran sosial dan

kemahiran interpersonal. Pembukaan Inspired Kitchen, Ausome Café dan Rimau Café telah membolehkan pelajar terlibat secara langsung dalam perniagaan.

Kebanyakan kajian sedia ada telah memperkatakan tentang bidang keusahawanan dikalangan pelajar kurang upaya. Kajian bertumpu kepada mengkaji tingkah laku, motivasi, faktor kejayaan dan kesedaran berkaitan penglibatan dalam keusahawanan. Terdapat juga penerokaan pengetahuan kemahiran yang disediakan pihak sekolah, halangan mendapat pekerjaan, kajian tahap kecenderungan pelajar menceburi bidang perniagaan, faktor yang mempengaruhi dan niat menjadi usahawan. Namun hampir tiada kajian mengkaji impak platform keusahawanan ke atas mereka.

B. Objektif Kajian

Oleh yang demikian, kajian ini mengenalpasti kecekapan pengurusan keusahawanan yang terdapat pada diri pelajar dan mengenalpasti impak latihan keusahawanan kepada kecenderungan mereka untuk terlibat dalam perniagaan. Objektif kajian mengkaji empat objektif berikut:

- Menenalpasti kemahiran pencarian maklumat
- Menenalpasti kemahiran menyelesaikan masalah,
- Menenalpasti kemahiran memujuk dan
- Menenalpasti kecenderungan menjadi usahawan.

2. Kajian Literatur

A. Platform Keusahawanan

Usaha menubuhkan platform latihan keusahawanan di institusi pendidikan di Malaysia telah disokong oleh beberapa kajian yang menyatakan terdapat keperluan untuk menyediakan program transisi kerjaya [1] yang memberi pendedahan yang relevan [2]. Keperluan untuk mewujudkan perniagaan baru dan melibatkan pelajar dalam simulasi latihan [3] serta menggalakkan keusahawanan sosial [4].

B. Latihan Keusahawanan

Pelajar berkeperluan khas menunjukkan keinginan yang tinggi untuk menjadi usahawan [2],[8]. Motivasi untuk menjadi usahawan juga menunjukkan tiada perbezaan dengan pelajar normal [3]. Namun begitu, pengetahuan berkaitan keusahawanan yang dibekalkan kepada pelajar berkeperluan khas masih di tahap rendah [2]. Ilmu keusahawanan penting untuk membantu pelajar berdikari dan meningkatkan status ekonomi. Kelemahan ini telah menjadi faktor kurangnya penglibatan dalam bidang keusahawanan [2]. Kenyataan ini disokong oleh kenyataan yang membuktikan bidang keusahawanan adalah yang paling rendah dipilih Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran sebaik tamat sekolah menengah [5]. Walaupun begitu, di peringkat sekolah, pelajar berkeperluan khas telah dibekalkan dengan kemahiran kebolehkeraan [6]. Kemahiran kebolehkeraan adalah kemahiran asas,

kemahiran berkaitan pekerjaan, kemahiran interpersonal, kualiti peribadi. Kemahiran berkaitan pekerjaan dinyatakan sebagai kemahiran vokasional, menyelesaikan masalah, etika ditempat kerja, keselamatan, mengurus, mencari maklumat, keusahawanan, membuat keputusan dan kemahiran berfikir. Kenyataan ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan ilmu kebolehkeraan yang disediakan untuk golongan ini. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk membangunkan modul khas keusahawanan [7],[2]. Menerusi modul khusus, pelajar akan memiliki pengalaman yang akan memberikan kesan positif kerana mereka yang pernah mendapat pengalaman terlibat dalam keusahawanan didapati cenderung mengulangi pengalaman tersebut [3].

C. Sokongan Dalam Bidang Perniagaan

Peluang pekerjaan untuk OKU perlu disediakan [6]. Ini kerana jumlah OKU yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 453,258 orang. Mereka perlu bijak mencari peluang dan mencipta pekerjaan. Pada tahun 2018 sahaja, jumlah OKU yang berjaya ditempatkan dalam pasaran buruh adalah seramai 167 orang. Mereka dibekalkan dengan program-program kebolehpasaran yang dianjurkan *Jobs Malaysia*. Jumlah ini amat kecil berbanding jumlah populasi. Golongan OKU digalakkan untuk menceburi bidang perniagaan supaya mempunyai pendapatan. Pihak kerajaan boleh membantu mengambil langkah untuk mewujudkan peluang perniagaan. Ini kerana faktor kemiskinan dikalangan OKU berpunca daripada halangan persekitaran dan bentuk ketidakupayaan fizikal individu [9]. Ini berlawanan dengan kenyataan yang mencadangkan supaya mereka yang memasuki bidang perniagaan bukan terdiri dari mereka yang miskin tegar kerana keperluan modal dan pelaburan [7].


Jabatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia telah menyediakan bantuan dan mewujudkan peluang kepada semua OKU dengan menawarkan geran pelancaran untuk memulakan perniagaan. MARA dan TEKUN juga menyediakan pinjaman modal, khidmat nasihat dan kepakaran teknikal. Dalam masa dua tahun, 2016-2018, seramai 171 OKU telah menerima Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5,898,751.09 [11]. Terdapat juga cadangan agar pihak kerajaan meluaskan peluang kerjasama *public-private partnership*, memberikan bantuan pinjaman berskala kecil dan media sosial *crowd funding* [10].

3. Metodologi

A. Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif explanatori. Data dikumpul menggunakan protokol temu bual. Soalan temubual adalah berdasarkan soalan soal selidik [12] yang telah diubahsuai kepada bentuk ayat temubual. Soalan temubual telah disahkan oleh pakar. Rujukan [12] telah mencadangkan model kebolehan mengurus yang memberikan pengaruh terhadap kecenderungan keusahawanan. Soalan

disediakan dwibahasa dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Soalan temubual dipermudahkan dan disampaikan sebaiknya supaya pelajar mudah memahami soalan. Pada tahun kajian dijalankan, operasi platform *Inspired Kitchen* hanya seramai tiga orang pelajar masalah pembelajaran dan seorang pelajar masalah pendengaran. Manakala di *Ausome Café* terdapat enam orang pelajar. Maka sampel kajian adalah persampelan bertujuan yang dipilih daripada subjek yang berkeupayaan memberikan maklumbalas dan telah terlibat dalam operasi platform keusahawanan di *Inspired Kitchen* dan *Ausome Café* lebih dari enam bulan. Seramai enam (6) pelajar terpilih. Sesi temubual dijalankan secara individu dan direkodkan. Bagi pelajar berpemikiran tahap rendah, bantuan ibubapa digunakan untuk membantu komunikasi. Model keupayaan pengurusan [12] telah menyenaraikan tiga (3) ciri kebolehan mengurus: (1) Pencarian Maklumat, (2) Penyelesaian Masalah, (3) Kemahiran memujuk. Ketiga-tiga ciri ini didapati mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Oleh yang demikian, kerangka teori ini digunakan untuk mengenalpasti Rajah 1 menunjukkan kerangka teori kebolehan mengurus seperti berikut;



Rajah 1: Kerangka Teori Kebolehan Mengurus (Ciri-ciri keusahawanan: Kebolehan mengurus)

B. Analisa Data

Data temu bual yang direkodkan telah dikelompokkan dan dikodkan menggunakan pengkodan induktif yang dibuat berasaskan dapatan kajian dan diterjemahkan dalam bentuk tema. Tema yang dikelompokkan kepada tiga ciri kemahiran. Kemahiran tersebut adalah kemahiran pencarian maklumat, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran meyakinkan. Tema juga dikelompokkan bagi melihat kecenderungan menjadi usahawan setelah melalui pengalaman di platform keusahawanan.

4. Dapatan Kajian

A. Demografi

Subjek terdiri daripada seorang perempuan dan lima (5) orang lelaki. Kategori umur dari 19 tahun ke 22 tahun. Kesemuanya bangsa Melayu. Kategori kelainan upaya bermasalah pembelajaran. Empat (4) orang dari platform *Inspired Kitchen* dan dua (2) dari *Ausome Café*. Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi peserta kajian.

Jadual 1: Demografi peserta kajian

Peserta Kajian (PK)	Demografi				
	Jantina	Umur	Bangsa	Kategori Kelainan Upaya	Platform
PK1	Perempuan	22	Melayu	Pemikiran Tahap Sederhana	Inspired Kitchen
PK2	Lelaki	21	Melayu	Pemikiran Tahap Tinggi	Inspired Kitchen
PK3	Lelaki	19	Melayu	Pemikiran Tahap Rendah	Ausome Cafe
PK4	Lelaki	22	Melayu	Pemikiran Tahap Sederhana	Inspired Kitchen
PK5	Lelaki	19	Melayu	Pemikiran Tahap Tinggi	Inspired Kitchen
PK6	Lelaki	21	Melayu	Pemikiran Tahap Rendah	Ausome Cafe

B. Ciri-ciri Usahawan; Kebolehan mengurus

Kajian mendapati kebolehan mengurus terdapat pada hampir kesemua peserta kajian. Kemahiran pencarian maklumat dan kemahiran mengikut arahan adalah yang paling tinggi kekerapan. Kemahiran pencarian maklumat digunakan dalam tugas praktikal mengikut proses kerja. Kesemua peserta kajian menjalankan tugas mengikut prosedur kerja dan arahan namun didapati dua peserta kajian hanya menerima arahan dan menunggu arahan pada peringkat awal latihan.

Terdapat seramai empat (4) peserta kajian mencari maklumat awal dan maklumat tambahan berkaitan platform keusahawanan, membuat semakan peralatan, bahan dan penyediaan serta membuat penilaian keperluan. Mereka didapati merujuk pada rakan pekerja dan ketua apabila menghadapi masalah namun ada juga peserta yang sepenuhnya bergantung kepada ketua tanpa mencuba menyelesaikan sendiri.

Apabila menghadapi masalah, peserta kajian didapati dapat membezakan kerumitan masalah pada setiap permintaan pelanggan. Kemahiran ini adalah yang paling jelas berbanding ciri yang lain dalam kategori ini. Kebanyakan peserta kajian bersetuju mereka mencuba terlebih dahulu dan memerlukan bantuan sekiranya tidak dapat menyelesaikan masalah.

Kajian mendapati terdapat keseimbangan pada kategori kemahiran memujuk. Terdapat separuh dari peserta kajian bersetuju mereka mampu mendapatkan sokongan orang lain, mencuba meyakinkan, yakin boleh meyakinkan dan ingin kejayaan diketahui. Separuh dari peserta bersetuju terdapat rakan yang menyokong idea dan rasa seronok. Peserta kajian 5 lebih mementingkan sokongan dari keluarga. Mereka menunjukkan keyakinan untuk mendapatkan sokongan orang lain dan bersedia membuat perubahan sehingga idea dipersetujui. Mereka dengan jelas menyatakan berasa yakin diri bahawa pelanggan berasa yakin berinteraksi dengan mereka. Mereka juga menunjukkan keinginan dan rasa

seronok untuk rakan yang lain melihat kejayaan mereka. Didapati peserta kajian telah menambahbaik keyakinan diri selepas menimba pengalaman di *Inspired Kitchen* dan *Ausome Cafe*.

Dapatan kajian menunjukkan kemahiran pencarian maklumat yang dinyatakan peserta kajian hasil dari data temubual. Tema yang dikelompokkan pada Jadual 2 - 4 seperti berikut;

Jadual 2: Kemahiran Pencarian Maklumat

Tema	SubTema	Petikan Pernyataan yang terpilih	Kekerapan
Kemahiran Pencarian Maklumat	Pencarian Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Saya akan buat cari maklumat (PK1) Maklumat tambahan saya memang cari..(PK2) 	PK1, PK2,PK5, PK6
	Mengikut arahan	<ul style="list-style-type: none"> Masa mula kerja dulu saya tunggu arahan (PK1) Saya terima jerlah tugas yang diberi (PK2) 	PK1, PK2, PK3,PK4
	Rujuk rakan, pensyarah dan majikan	<ul style="list-style-type: none"> ada saya tanya dekat apa ni pekerja (PK5) Rujuk pada ketua. Tak cuba selesaikan sendiri (PK4) 	PK5, PK6, PK4

Jadual 3: Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Tema	SubTema	Petikan Pernyataan yang terpilih	Kekerapan
Kemahiran Penyelesaian Masalah	Membezakan kerumitan masalah	<ul style="list-style-type: none"> Contohnya... macam ..macam pelanggan tu lain lain ada masalah dia . Saya faham untuk selesaikan (PK1) Hmmmm sebab apa dia ikutlah ada masalah yang boleh saya selesaikan sendiri ada masalah yang saya tak boleh (PK2) Saya boleh cuba pelbagai cara ...untuk menyelesaikan masalah itu. (PK2) Hmmm ..ada yang boleh ada yang tak boleh. tapi boleh cuba selesaikan satu persatu, langkah demi langkah. (PK1) Perlukan orang terdekat untuk membantu menyelesaikan masalah (PK3) arr ye mampu diselesaikan. Kalau tak dapat selesai, saya buat perlahan-lahan lah saya akan tanya (PK5) 	PK1, PK2,PK3, PK5
	Mencuba menyelesaikan masalah		PK1, PK5, PK2
	Meminta bantuan jika tidak dapat selesaikan		PK1, PK3, PK5

Jadual 4: Kemahiran Memujuk (*Persuasion*)

Tema	SubTema	Petikan Pernyataan yang terpilih	Kekerapan
Kemahiran Memujuk	Mendapatkan sokongan orang lain	<ul style="list-style-type: none"> Hmmm saya rasa seronok ah kalau orang setuju... itu kalau rasa ...rasa setuju.... setujuilah. (PK2) 	PK1, PK2,PK5

Cuba meyakinkan orang	<ul style="list-style-type: none"> aaa..kalau sokongan kawan tu boleh jugak, lagi penting sokongan family (PK5) kalau tak setuju saya cuba ubah cara lain. Saya akan buat sekali...kalau dia setuju dia setujuilah..kalau dia tak setuju ...saya akan tanya dia balik apa yang dia rasa perlu ubah....untuk membuatkan dia setuju. (PK2) Ya saya akan menyakinkan rakan rakan saya (PK3) 	PK1, PK2, PK3
Ingin kejayaan diketahui.	<ul style="list-style-type: none"> Mahu kawan tengok (PK1) aaa.. saya rasa seronok sebab saya boleh buktikan diri saya, saya yakin pelanggan rasa yakin bila berkomunikasi dengan orang lain (PK4) hah ya semuanya yakin (PK5) Insyaallah saya boleh yakin! (PK6) Pelanggan – pelanggan saya yakin jer (PK3) 	PK1, PK3, PK5
Yakin boleh meyakinkan		PK2, PK4, PK5
Mendapatkan sokongan orang lain		PK6, PK3, PK2

C. Kecenderungan menjadi Usahawan

Kesemua peserta kajian menunjukkan kesungguhan untuk menjadi usahawan sebaik tamat pekerjaan di platform *Inspired Kitchen*. Peserta kajian didapati berazam membuka perniagaan. Terdapat empat (4) peserta kajian menyatakan keperluan modal dan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan termasuk berusaha mencari dana, bantuan dan mengumpul modal. Terdapat tiga (3) peserta kajian yakin membuka perniagaan untuk membantu keluarga. Pelbagai jenis perniagaan seperti perniagaan rumah sewa, bengkel, gerai makan dan perniagaan juruwang. Mereka tanpa prejudis berminat dan yakin boleh berjaya. Rujuk Jadual 5 untuk data kecenderungan usahawan.

Jadual 5: Kecenderungan Usahawan

Tema	SubTema	Petikan Pernyataan yang terpilih	Kekerapan
Kecenderungan Usahawan	Bercita-cita menjadi usahawan sebaik tamat belajar	<ul style="list-style-type: none"> Ada.. nak jadi seorang usahawan selepas habis latihan di ik (PK1) Ssshhh ... sebelum hmmm sebelum bersama Ik saya belum ada cita cita tu lagi... selepas saya bersama Ik baru saya ada cita – cita tu (PK2) 	PK1, PK6
	Yakin buka perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Ada tolong mak saya ,saya tolong abang 	PK1, PK2, PK5

untuk bantu keluarga	sepupu saya Inshallah akan berusaha lagi. Saya akan usahakan (PK1)	
	<ul style="list-style-type: none"> • Saya akan mencarilah peluang sehingga saya dapat ah buka kedai tu (PK2) • Cari peluang buka perniagaan • Baru saja bercita-cita buka perniagaan selepas bersama ik (PK4) 	PK1, PK2, PK4, PK5, PK6
Cari peluang perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • ada! Haha, ok saya nak buat bisnes.. untuk aaa..rumah sewa, pastu bisnes aaa..buka bengkel, aaaa buka kedai (PK5) • Berfikir selepas habis kerja untuk buka perniagaan. 	PK1, PK2, PK3, PK6
Usahakan mencari dana, mohon bantuan dan mengumpul modal	<ul style="list-style-type: none"> • Saya kumpul kumpul duit dulu (PK1) • Akan buka bila cukup kewangan • Serius memikirkan untuk menjadi usahawan (PK2) 	

cenderung mengulangi pengalaman tersebut [3]. Maka tahap kecenderungan semua pelajar yang terlibat di *Inspired Kitchen* dan *Ausome Cafe* adalah tinggi.

Usaha pihak pentadbiran membuka platform keusahawanan ini selari dengan permintaan [3] supaya mewujudkan perniagaan baru dan melibatkan pelajar dalam simulasi latihan dan [2] yang meminta agar diwujudkan program dan sumber sokongan serta pendedahan yang relevan. *Inspired Kitchen* terutamanya adalah berkait erat dengan kemahiran pelajar yang mengikuti Sijil Asas Kulineri. Kemahiran dipraktikkan untuk tujuan perniagaan. Dengan pembukaan platform keusahawanan ini, dijangka hasrat [4] supaya menggalakkan keusahawanan sosial boleh dijalankan. Namun keusahawanan sosial ini masih memerlukan pertimbangan politik-ekonomi dan sosio budaya untuk memahami lebih lanjut potensinya terhadap mereka yang berkeperluan khas [13].

Hasil kajian ini juga mendapati pelajar terhalang dengan modal permulaan untuk membuka perniagaan. Cadangan [10] supaya pinjaman berskala kecil dan media sosial *crowd funding* lebih praktikal berbanding menolak sahaja peluang perniagaan jika menggunakan saranan [13] agar memilih mereka yang bukan dari kalangan miskin tegar.

Walaupun dapat dirumuskan kesemua peserta kajian mempunyai kemahiran pengurusan dan ciri keusahawanan yang tinggi, kemahiran memujuk memerlukan lebih penekanan. Keadaan ini membolehkan peserta membangunkan keyakinan diri berhadapan dengan masyarakat. Kajian ini hanya bertumpu kepada pelajar semasa tahun 2018. Kajian terhad dengan limitasi masa dan jarak perjalanan untuk menjejaki semua alumni berkeperluan khas yang telah terlibat bersama *Inspired Kitchen* sejak tahun 2016. Kajian lanjut boleh dibuat kepada pelajar berkeperluan khas yang tidak menimba pengalaman di platform keusahawanan. Hasil kajian boleh dibandingkan dan dijangka lebih menyokong kepada keputusan pihak pentadbiran membuka lebih banyak platform di institusi pendidikan.

Rujukan

- Abbas, L. N., & Md Khair, S. N. (2017). *Entrepreneurial Intention among Special Needs Students*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*.
- Ain, N., & Lutfiah, N. (2016). Kecenderungan pelajar berkeperluan khas di politeknik dalam menceburi bidang keusahawanan. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1).
- Aizan & Jamiah. (2015). Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 82-91.
- Anizam, M. Y., Manisah, M. A., & Amla, M. S. (2013). Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Kearah Memenuhi Pasaran Pekerjaan. In *Proceeding Of The International Conference On Social Science Research, ICSSR*, 4-5.
- Arif, N. (2019). 171 OKU terima SBGP-OKU. Diakses daripada <https://malaysiagazette.com/blog/2019/03/23/171-oku-terima-sbgp-oku>.
- Asniza, O., & Hardy, L. R. (2014). The relationship of entrepreneurial competencies and entrepreneurial intention of disabled youth: a study on behavioural and managerial competencies. *Aust. J. Basic & Appl. Sci.*, 8(23): 62-69.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini secara jelas menunjukkan terdapat kebolehan mengurus pada hampir kesemua peserta kajian. Mereka dengan jelas mempamerkan ciri-ciri usahawan dari aspek pencarian maklumat dan sumber, penyelesaian masalah dan kemahiran meyakinkan. Ciri yang paling tinggi kekerapan adalah bercita-cita untuk menjadi usahawan sebaik tamat belajar. Kesemua peserta kajian mempunyai minat yang tinggi untuk terlibat dalam bidang perniagaan setelah menyertai latihan keusahawanan. Lebih dari separuh peserta bersetuju mereka mempunyai kemahiran mencari peluang perniagaan, berazam mengusahakan modal, mampu membezakan kerumitan masalah, mampu membuat pencarian maklumat dan mampu mengikut arahan.

Ujian hipotesis dalam kajian [12] menunjukkan kebolehan memujuk mempunyai pengaruh yang positif terhadap kecenderungan keusahawanan. Manakala pencarian maklumat dan penyelesaian masalah mendapat pengaruh negatif. Berbeza dengan dapatan kajian ini, kesemua peserta kajian mengelak menggunakan kemahiran memujuk tetapi bersedia menerima kritikan dan membuat perubahan. Faktor ini tidak menyebabkan perubahan ke atas niat kecenderungan usahawan. Keadaan ini disokong [6] bahawa pelajar berkeperluan khas telah dibekalkan dengan kemahiran keboleherjaan. Kemahiran keboleherjaan termasuk kemahiran vokasional, menyelesaikan masalah, mencari maklumat dan membuat keputusan. Latihan teknikal TVET yang telah diikuti pelajar dan peluang menimba pengalaman di platform *Inspired Kitchen* setiap hari menyebabkan mereka

- Ibrahim, R., M. H. M. Yasin, & Abdullah, N. (2016). *Pemilihan Bidang Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran* (Education Choice among Student with Learning Disabilities).
- Madinah, Hanafi & Mahidin. (2017). *Kemahiran keboleherjaan individu masalah pendengaran dan implikasinya terhadap program pendidikan*. International Conference On Special Education In Southeast Asia Region 7th series 2017.
- Muñoz, Rosa, M., Yolanda, S., Isidro, P., Sanchez, D. P., & Jesus, D. (2019). *Entrepreneurship Education and Disability: An Experience at a Spanish University*." Administrative Sciences 9, no. 2: 34.
- Norhasyikin, Balqis, Zaihana, Shuhairimi & Azizan. (2016). Keusahawanan sosial dalam atasi masalah peluang pekerjaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2 (4), 22.
- Renko, Maija, Sarah, P. H., & Kate, C. (2016). Entrepreneurial entry by people with disabilities. *International Small Business Journal*, 34(5), 555-578.
- Yamamoto, S. H., & Charlotte, Y. A. (2015). Factors of successful self-employment through vocational rehabilitation for individuals with disabilities. *Journal of Career Assessment* 23, 2: 318-335. R. Nicole, "Title of paper with only first word capitalized," J. Name Stand. Abbrev., in press.